



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Bank dan Syarikat Meminjam (Pindaan) 1978

DR.24/1978

Naskah saheh—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat-syarikat Meminjam 1969.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank dan Syarikat Meminjam (Pindaan) 1978 dan hendaklah, tertakluk kepada seksyen-kecil (2), mula berkuatkuasa pada tarikh selepas sahaja tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Seksyen 5 hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 15hb April 1973.

2. Seksyen 16 Akta Bank adalah dipinda—

Pindaan
bagi
seksyen 16.
Akta 102.

(a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “lain-lain tanggungan deposit bagi tiap-tiap satu bank berlesen” dalam seksyen-kecil (2) perkataan-perkataan “dan apa-apa tanggungannya yang lain yang ditentukan oleh Bank Negara”;

(b) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “lain-lain tanggungan deposit bagi sesuatu bank yang menjalankan perniagaan di Persekutuan dan di tempat lain” dalam seksyen-kecil (5) perkataan-perkataan “dan apa-apa tanggungan lain bank itu yang ditentukan oleh Bank Negara”; dan

(c) dengan memotong perenggan (c), (d) dan (f) seksyen-kecil (6) dan memasukkan perkataan “dan” selepas koma bernoktah dalam perenggan (e).

Pindaan
bagi
seksyen 17.

3. Seksyen 17 Akta Bank 1973 adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "lain-lain tanggungan deposit bagi tiap-tiap satu bank" dalam seksyen-kecil (1) perkataan-perkataan "dan apa-apa tanggungannya yang lain yang ditentukan oleh Bank Negara,".

Pindaan
bagi
seksyen 18.

4. Seksyen 18 Akta Bank 1973 adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "lain-lain tanggungan depositnya" perkataan-perkataan "atau apa-apa tanggungannya yang lain yang ditentukan oleh Bank Negara".

Pindaan
bagi
seksyen 59.

5. Seksyen 59 Akta Bank 1973 adalah dipinda dengan menggantikan seksyen-kecil (2) dengan yang berikut—

"(2) Menteri boleh, atas syor Bank Negara, mengecualikan mana-mana orang yang menjalankan apa-apa perniagaan yang ditetapkan sebagai perniagaan bank di bawah seksyen 2 dari mana-mana peruntukan Akta ini atas apa-apa had dan syarat yang mungkin dikenakan.".

Seksyen 3A
baru.
Akta 6.

6. Akta Syarikat-syarikat Meminjam 1969 adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3 seksyen 3A yang berikut—

"Sekatan terhadap penggunaan perkataan-perkataan "syarikat kewangan", dsb. 3A. (1) Tertakluk kepada seksyen-kecil (2), tiada seorang boleh, kecuali dengan izin Menteri, menggunakan—

(a) perkataan-perkataan "syarikat kewangan" atau apa-apa terbitannya berhubung dengan perniagaan yang dijalankan oleh orang itu; atau

(b) apa-apa perkataan atau rangkaikata yang menunjukkan atau memperihalkan perjalanan perniagaan kewangan oleh orang itu,

selepas 31hb Disember 1979.

(2) Seksyen ini tidak dipakai bagi seseorang yang mana adalah suatu syarikat kewangan yang dilesen di bawah Akta ini."

7. Seksyen 18 Akta Syarikat-syarikat Meminjam 1969 adalah dipinda—

Pindaan
bagi
seksyen 18.

(a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “tanggungan deposit tiap² syarikat meminjam berlesen” dalam seksyen-kecil (2) perkataan-perkataan “dan apa-apa tanggungannya yang lain yang ditentukan oleh Bank Negara”; dan

(b) dengan memotong perenggan-perenggan (b) dan (c) seksyen-kecil (5).

8. Seksyen 20 Akta Syarikat-syarikat Meminjam 1969 adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “beberapa gerenti sahaja” dalam perenggan (b) seksyen-kecil (2) perkataan-perkataan “lain daripada gerenti atau gerenti-gerenti yang dikeluarkan oleh Kerajaan”.

Pindaan
bagi
seksyen 20.

9. Seksyen 37 Akta Syarikat-syarikat Meminjam 1969 adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “tanggungan² depositnya” dalam perenggan (c) perkataan-perkataan “dan apa-apa tanggungannya yang lain yang ditentukan oleh Bank Negara”.

Pindaan
bagi
seksyen 37.

10. Selepas sahaja mula berkuatkuasa Akta ini—

Pindaan am
berkenaan
dengan
perubahan
tajuk dan
tafsiran
berbangkit
yang akan
dibuat
disebabkan
olehnya.

(a) Akta Syarikat-syarikat Meminjam 1969 hendaklah dikenali sebagai Akta Syarikat Kewangan 1969 dan semua sebutan dalam Akta ini dan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain mengenai Akta Syarikat-syarikat Meminjam 1969 hendaklah diubahsuai dengan sewajarnya; dan

(b) dalam semua instansi dalam Akta ini, Akta Syarikat Kewangan 1969 dan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain di mana perkataan-perkataan “perniagaan meminjam” dan “syarikat meminjam” terdapat dalam variasi-variasi nahunya dalam konteks atau berhubung dengan Akta Syarikat-syarikat Meminjam 1969, perkataan-perkataan tersebut hendaklah, dengan variasi-variasi nahunya, masing-masing ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perkataan-perkataan “perniagaan kewangan” dan “syarikat kewangan” dan undang-undang bertulis yang berkenaan itu hendaklah ditafsirkan sebagai diubahsuai mengikut seksyen ini.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat-syarikat Meminjam 1969.

Di bawah Akta Bank 1973 (kemudian daripada ini disebut "Akta tahun 1973"), bank-bank adalah dikehendaki menyenggara suatu amaun minimum aset cair (minimum amount of liquid assets) yang dinyatakan mengikut peratus aset itu berbanding dengan tanggungan deposit (deposit liabilities) tertentu yang terhad. Perenggan (a) dan (b) *fasal 2* Rang Undang-undang ini bertujuan meluaskan had tanggungan di bawah seksyen-kecil (2) dan (5) seksyen 16 Akta tahun 1973 supaya termasuk apa-apa tanggungan lain yang ditentukan oleh Bank Negara. *Fasal (3) dan (4)* bertujuan membuat perubahan-perubahan berbangkit kepada seksyen 17 dan 18 Akta tahun 1973.

Antara butiran-butiran aset cair yang misti dipegang oleh bank ialah wang bersih panggilan (net money at call) dalam Persekutuan, baki-baki bersih dalam bank-bank dalam Persekutuan, dan bil-bil pertukaran dalam negeri (inland bills of exchange) dan nota-nota janjihutang (promissory notes) yang boleh didiskaun semula di Bank Negara. Butiran-butiran ini adalah antara jenis-jenis aset yang dinyatakan dalam seksyen 16 (6) Akta tahun 1973 dan pindaan dalam perenggan (c) *fasal (2)* bertujuan memotong sebutan-sebutan tertentu ini mengenai tiga jenis aset cair itu.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 59 (2) Akta tahun 1973 untuk menjelaskan bahawa pengecualian yang akan diberi oleh Menteri atas syor Bank Negara adalah dimaksudkan untuk institusi-institusi.

Syarikat-syarikat yang dilesen di bawah Akta Syarikat-syarikat Meminjam 1969 (kemudian daripada ini disebut "Akta tahun 1969") adalah dikenali sebagai "syarikat-syarikat meminjam" dan orangramai adalah keliru antara syarikat-syarikat ini dengan syarikat-syarikat lain, terutama sekali syarikat-syarikat kewangan sewa-beli, yang tidak dilesen di bawah Akta tahun 1969. Oleh yang demikian, *Fasal 10* bertujuan mengubah tajuk Akta tahun 1969 itu kepada "Akta Syarikat Kewangan 1969" dan membuat ubahsuaian-ubahsuaian berbangkit dalam semua undang-undang yang terlibat.

Fasal 6 bertujuan mengadakan suatu seksyen 3A baru dalam Akta tahun 1969 untuk memastikan supaya tidak siapa, lain daripada syarikat kewangan yang didaftarkan di bawah Akta tahun 1969, boleh menggunakan perkataan-perkataan "syarikat kewangan" atau apa-apa terbitannya untuk memperihalkan aktiviti-aktiviti perniagaannya selepas 31hb Disember 1979.

Fasal 7 dan Fasal 9 masing-masing bertujuan membuat perubahan-perubahan kepada seksyen 18 dan seksyen 37 Akta tahun 1969 serupa dengan perubahan-perubahan yang hendak dibuat di bawah *fasal 2, 3 dan 4* Akta tahun 1973 berkenaan dengan meluaskan had tanggungan sesuatu syarikat kewangan berlesen berhubung dengan penyenggaraan suatu amaun minimum aset cair.

Perenggan (b) *fasal 7* bertujuan meminda seksyen 18 (5) Akta tahun 1969 dengan memotong butiran-butiran tertentu yang dinyatakan dalam seksyen tersebut sebagai aset cair.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 20 (2) (b) Akta tahun 1969 supaya pinjaman yang bercagarkan suatu gerenti yang dikeluarkan oleh Kerajaan tidak termasuk dalam erti "kemudahan kredit, pinjaman atau pendahuluan tak bercagar".

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 927.]

BE IT ENACTED by the Ruler Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, with the advice and consent of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in Parliament assembled, and by the authority of the same, as follows:

1. (1) This Act may be cited as the Banking and Borrowing Companies (Amendment) Act 1978 and shall, subject to subsection (2), come into force on the date immediately following the date of its publication in the Gazette.

(2) Section 3 shall be deemed to have come into force on the 15th April 1978.

2. Section 16 of the Banking Act 1969 is amended—

(a) by inserting after the words "deposit liabilities of each bank" in subsection (2) the words "and such other liabilities" as may be determined by the Central Bank;

(b) by inserting after the words "other deposit liabilities of a bank carrying on business in the Federation and elsewhere" in subsection (3) the words "and such other liabilities of such bank as may be determined by the Central Bank"; and

(c) by deleting paragraph (c) (i) and (ii) of subsection (6) and inserting the word "and" after the semicolon in paragraph (c).

3. Section 17 of the Banking Act 1969 is amended by inserting after the words "deposit liabilities of each bank" in subsection (1) the words "and such other liabilities" as may be determined by the Central Bank.